

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN TONY PUA KIAM WEE [ DAMANSARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan penstrukturan Malaysia Airlines (MAS), termasuk jumlah hutang, kerugian semasa, pelaburan oleh Khazanah Nasional, perbincangan penggabungan atau pelaburan asing dan keperluan dana. Apakah kemungkinan MAS akan ditutup.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selari dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Malaysian Airline System Bhd (MAS) yang bertujuan menstruktur semula dan memulihkan operasi syarikat penerbangan nasional, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah ditubuhkan pada 7 November 2014. Penubuhan MAB bertujuan untuk mengambil alih operasi, aset dan liabiliti syarikat MAS. MAB seterusnya diletakkan di bawah Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).

Prestasi kewangan MAGB antara tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Keuntungan/ (Kerugian) - RM</b>
2015	(1.1b)

2016	(0.7b)
2017	(1.2b)
2018	(1.3 b)

Setakat 31 Ogos 2020, jumlah kecairan yang dimiliki oleh Kumpulan MAGB adalah kira-kira RM366 juta selain kira-kira RM578 juta yang tersedia untuk digunakan daripada dana yang diperuntukkan oleh Khazanah. Jumlah liabiliti MAGB pada masa ini adalah dianggarkan sebanyak RM16 bilion.

Kesan COVID-19 terhadap industri penerbangan secara global adalah amat buruk dan Malaysia Airlines tidak terkecuali daripada menerima impak daripada penularan pandemik ini. Malaysia Airlines kini beroperasi dengan kira-kira 75% daripada pesawatnya tidak dapat diterbangkan akibat sekatan perjalanan, dan turut menyaksikan kapasiti dan pendapatannya terjejas.

Bagi mengatasi masalah kewangan MAGB dan MAB, Kerajaan akan mengadakan rundingan lanjut dengan pihak Khazanah bagi mengenal pasti hala tuju syarikat khususnya dalam memperkukuhkan kedudukan kewangannya dan mengenal pasti penyelesaian strategik yang terbaik bagi kumpulan penerbangan tersebut.

Sebarang keputusan mengenai operasi MAGB bergantung kepada hasil rundingan MAGB dengan pihak pemiutang dan pemajak bagi menstruktur semula syarikat. Dalam masa yang sama, pihak pengurusan Khazanah juga akan melaksanakan usaha terbaik bagi memastikan kebajikan kakitangan kumpulan MAGB terpelihara termasuk, sekiranya perlu, bayaran pampasan yang setimpal yang mematuhi undang-undang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.